

CNS8895

R GB 15-04 00172 BA768

bah

Mahathir - Perutusan

EMBARGO: Untuk siaran pada Malam Hari Raya

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rakyat hendaklah bersyukur kerana negara aman dan stabil, membolehkan masyarakat berbilang kaum hidup aman damai.

Dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Perdana Menteri berkata kestabilan politik dan hubungan baik antara kaum perlu sentiasa dipupuk dan ditingkatkan untuk pembangunan negara dan mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

+Setelah melihat bagaimana rusuhan yang dahsyat berlaku kerana perkauman di beberapa negara, kita patut lebih menghargai keharmonian kita dan memelihara keharmonian ini dengan baik,+ katanya.

Perpaduan di kalangan umat Islam adalah penting jika mereka ingin maju dan dihormati, kata Datuk Seri Dr Mahathir, sambil menegaskan bahawa mereka akan menjadi lemah dan tidak berupaya mencapai kemajuan jika tidak bersatu.

+Oleh itu, marilah kita di hari yang mulia ini, mempertingkatkan azam dan usaha untuk memperkukuhkan lagi silaturahmi di kalangan umat Islam,+ katanya. -- Lagi

♥15/04/13-47MST

CNS8896

R GB 15-04 00185 BA769

bah

Mahathir - Perutusan 2 Kuala Lumpur

Rakyat juga bernasib baik kerana ekonomi negara adalah kukuh dan kadar pertumbuhan ekonomi adalah tinggi, dan tidak banyak negara di dunia, termasuk negara-negara maju, yang berjaya mencatat pertumbuhan seperti Malaysia, kata Perdana Menteri.

Ini adalah satu rahmat, katanya sambil menyebut bahawa pencapaian ini adalah hasil daripada langkah-langkah bijak serta berani oleh kerajaan bersama rakyat, dan untuk menjamin ekonomi negara terus berkembang pesat, adalah penting rakyat mengambil kesempatan daripada keamanan dan kestabilan negara dengan bekerja kuat dan beramanah.

Tanpa kesanggupan bekerja keras dan berdisiplin, para pelabur terutama dari luar negeri, sudah tentu tidak akan melabur di negara ini, kata Perdana Menteri

+Janganlah kita mempunyai sikap atau melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan peluang kita sendiri dan memburukkan imej kita sebagai bangsa yang beramanah dan bertanggungjawab,+ katanya.

Beliau menggesa umat Islam di negara ini sempena Hari Raya Aidilfitri supaya melipatgandakan usaha untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan diri sendiri dan tidak harus lupa bahawa ugama Islam mahukan umatnya berusaha untuk memperolehi bahagian mereka di dunia dan di akhirat. -- Lagi

♥15/04/13-47MST

CNS8897

R GB 15-04 00192 BA770

bah

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata bahawa kelemahan umat Islam yang terdapat di zaman ini bukan kerana kehendak agama.

Antara sebab-sebab kelemahan dan kegagalan orang Islam dalam berbagai-bagai bidang ialah kerana mereka lebih mengutamakan meminta-minta daripada Tuhan tanpa berusaha sendiri, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika umat Islam tidak mengubah amalan ini mereka akan menjadi seperti pengemis yang tidak berupaya apabila tidak diberi bantuan.

+Apa yang patut disedari ialah ada pihak yang memberi bantuan kepada umat Islam hanya kerana ingin melihat orang Islam terus lemah dan mudah diperalatkan dan dengan itu tidak ada gunanya kita menyalahkan mereka kerana itu adalah naluri manusia.

+Jika kita sedar bahawa bantuan mereka adalah kerana kepentingan mereka, maka kita lah yang harus bertindak supaya tidak lagi perlu bergantung kepada mereka. Mengadakan acara mengutuk mereka tidak akan menjadikan kita lebih kuat dan bebas,+ katanya.

Kepada anggota-anggota pasukan keselamatan dan pekerja-pekerja di jabatan tertentu yang terpaksa menjalankan tugas mereka seperti biasa, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau menghargai sumbangan mereka yang membolehkan rakyat berhari raya dan berdoa mereka dilindungi Allah.--
Bernama/ns

▼15/04/13-48MST